



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

DUA KAMPUS BAHARU KOLEJ PROFESIONAL MARA AKAN DIBINA TAHUN INI

KPLB.100-2/1/6 JLD.2 (35)

BANGI, 22 Feb. – Majlis Amanah Rakyat (MARA) terus memperkasakan sektor pendidikan tingginya dengan pembinaan dua buah kampus baharu Kolej Profesional MARA (KPM) tahun ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, dua kampus baharu itu akan dibina di Beaufort, Sabah dan Kapit di Sarawak.

“Kita merancang untuk membangun serta memperkukuhkan lagi sektor pendidikan dengan membina beberapa lagi institusi pendidikan di kawasan luar bandar yang strategik iaitu pembinaan dua buah kampus baharu Kolej Profesional Mara di Beaufort, Sabah dan sebuah lagi di Kapit, Sarawak.

MARA akan terus memperkasakan akses kepada pendidikan berkualiti dalam meningkatkan modal insan berkemahiran masa hadapan bermula daripada peringkat sekolah menengah hingga ke peringkat pengajian tinggi.”

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KPLB, di kampus induk German-Malaysian Institute (GMI) di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri I KPLB, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad, Ketua Setiausaha KPLB, Datuk Ramlan Harun dan kakitangan pengurusan tertinggi kementerian serta agensi KPLB.

Tambah Mahdzir, MARA turut akan membina tujuh buah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) tahun ini yang akan melibatkan penambahan pengambilan pelajar seramai 4,350 orang.

“Antara kawasan pembinaan MRSM baharu itu adalah di Ranau, Sabah, Bintulu dan Lawas, di Sarawak, Ketereh dan Tanah Merah, di Kelantan, Sik, Kedah serta Dungun di Terengganu.”

Selain itu jelas Mahdzir, MARA juga akan membina dua buah Pusat GIATMARA di Limbang dan Batang Lupar di Sarawak.

Dalam ucapannya juga Mahdzir berkata, MARA akan terus memperkasakan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, TVET.

“Program TVET MARA akan ditambah baik berdasarkan permintaan industri dan set kemahiran baharu yang menitikberatkan tiga aspek utama iaitu penyelesaian masalah kompleks, reka bentuk dan pengatucaraan teknologi.

Bagi merealisasikan inisiatif ini, MARA akan mewujudkan lima Industry Centre of Excellence (ICOE) bersama pemain industri.”

MARA juga jelas beliau, melaksanakan transformasi dengan yang terbaharu menggabungkan elemen kemahiran dan hafazan Al-Quran menerusi Program TVET-Tahfiz.

“Rasionalisasi TVET MARA juga dilaksanakan bagi memperkukuhkan laluan artikulasi pelajar menerusi TVET MARA dimana terdapat peluang untuk pelajar yang telah mengikuti program sijil di GIATMARA dan IKM untuk menyambung pengajian ke peringkat Master dan Phd di UniKL di mana inisiatif ini adalah bagi mengelakkan pertindihan program yang sama dilaksanakan di antara IPMA,” katanya.

Pada majlis yang sama, Mahdzir turut menyampaikan penghargaan kepada Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Masjid Tanah, Melaka yang menerima pengiktirafan Anugerah Platinum Asia Pacific Accreditation And Certification (APACC) baru-baru ini.

Ia merupakan pengiktirafan di peringkat antarabangsa yang pertama kali diterima oleh sebuah institusi TVET di bawah KPLB.

-TAMAT-

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATUK SERI MAHDZIR KHALID

MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

22 FEBRUARI 2022

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my



www.rurallink.gov.my



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[KPLB_GOV Official](https://www.youtube.com/KPLB_GOV)